



## PUSAT PEMBANGUNAN USAHAWAN MALAYSIA (MEDEC)

Universiti Teknologi MARA

Cawangan Kedah

Peti Surat 187

08400 Merbok

Kedah Darul Aman

Tel: 04-457 1300

Fax: 04-457 4355

Surat Kami 500-KDH(MEDC. 15/2/1)

Tarikh 27/1/2000

### KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan/Puan

### ASAS KEUSAHAWANAN (ETR)

Adalah dengan segala hormatnya dimaklumkan bahawa penama-penama yang dinyatakan di bawah ini adalah pelajar-pelajar UiTM Cawangan Kedah yang sedang mengikuti subjek Asas Keusahawanan yang dikendalikan oleh Pusat Pembangunan Usahawan Malaysia (MEDEC), UiTM Cawangan Kedah pada semester ini.

Salah satu daripada syarat di dalam subjek tersebut ialah pelajar-pelajar dimestikan untuk menyediakan satu Rancangan Perniagaan (RP) yang lengkap mengenai projek yang mereka pilih sendiri.

Pelajar-pelajar berkenaan ialah:

1. MOHD HAFID R. MOHAMMAD BUDARI. 97201430
2. ANPPADOMBY S. ANNOLDIN 97201773
3. KOR AZIZUL B. CUB YA. 97417223
4. ISMAIL BUDHWAN B. SIJ. ISMAIL 97417268
5. ABDUL HUSNAN B. MOHAMMAD. 97201190

Pihak kami amat berbesar hati sekiranya pihak tuan/puan dapat memberi kerjasama yang sewajarnya kepada penama berkenaan.

Sekian, terima kasih

Yang benar

**MOHD Z AR OSMAN**

Koordinator

b/p. Provos

Diploma Pentadbiran Awam  
Bahagian 05  
UiTM Kampus Sg. Petani  
P.O. Box 187  
08400 Merbok  
Kedah Darul Aman

25 Mac 2000

Pensyarah Asas Keusahawanan (ETR 300)  
UiTM Kampus Sg. Petani  
P.O. Box 187  
08400 Merbok  
Kedah Darul Aman

Tuan

**PENYERAHAN RANCANGAN PERNIAGAAN**

Kami dengan berbesar hati menyerahkan laporan Rancangan Perniagaan (RP) kami yang bertajuk 'menjual dan memberi perkhidmatan makanan dan minuman (restoran ala Bistro)' iaitu bagi memenuhi sebahagian daripada syarat-syarat untuk memperolehi kepujian penuh dalam Diploma Pentadbiran Awam.

Segala maklumat yang di perolehi adalah maklumat yang dikumpul dari pelbagai sumber data di sekitar Sg. Petani. Setinggi- tinggi harapan daripada kami agar RP ini menjadfi satu wawasan bagi kami dan bakal-bakal usahawan muda untuk terus menerajui bidang perniagaan terutama dalam perusahaan makanan dan minuman terutama dalam konsep bistro yang semakin diminati.

Ribuan terima kasih kepada Tuan Haji Zaki yang telah banyak membantu dan memberi banyak tunjuk ajar serta memberi panduan kepada kami dalam menyiap RP ini.

Jika terdapat sebarang keraguan dari pihak tuan, kami bersedia menerima komentar demi kebaikan bersama.

Sekian terima kasih

## **KANDUNGAN**

1. SURAT PENYERAHAN
2. MUKADDIMAH
3. KONTRAK PERJANJIAN PERKONGSIAN
4. PENGHARGAAN
5. SURAT PERMOHONAN PINJAMAN
6. PENGENALAN
7. TUJUAN
8. LATAR BELAKANG PERNIAGAAN
9. LATAR BELAKANG RAKAN KONGSI
10. LATAR BELAKANG RP
11. LOGO
12. KETERANGAN LOGO
13. RANCANGAN PENTADBIRAN
14. RANCANGAN PEMASARAN
15. RANCANGAN OPERASI
16. RANCANGAN KEWANGAN
17. PENUTUP
18. LAMPIRAN

## **MUKADIMMAH**

Alhamdulillah, kami bersyukur kepada Allah SWT kerana dengan limpah dan kurnia-Nya beserta dengan kekuatan yang diberikan – Nya, maka dapatlah kami menyiapkan Rancangan Perniagaan (RP) ini bagi memperlengkapkan mata pelajaran Asas Keusahawanan (ETR) yang kami ikuti.

Untuk mendapatkan hasil yang terbaik, pengorbanan dari segi masa, tenaga dan wang adalah perlu dalam memperolehi maklumat dan data tertentu. Walaupun terdapat halangan dan rintangan namun ia adalah satu cabaran yang perlu dihadapi untuk memperolehi hasil yang baik. Oleh itu kami menganggap ianya merupakan satu cabaran dan berharap RP ini dapat memberi manfaat pada masa depan. Inshaallah.

Segala tunjuk ajar dan bantuan yang kami terima dari pelbagai pihak dalam menyiapkan RP ini amatlah kami hargai.

Akhir kata, semoga berkat usaha kami ini akan memberi manfaat dan dapat digunakan oleh pelbagai pihak sebagai rujukan dalam mengendalikan perusahaan yang berkaitan dengan restoran ala bistro.

## PENGENALAN

Rancangan Perniagaan (RP) ini akan menerangkan bagaimana untuk menubuhkan sebuah perniagaan makanan dan minuman ala bistro. Perniagaan ini akan ditubuhkan atas nama Jaya Aman Bistro. Jenis perniagaan ini ialah perniagaan perkongsian di mana terdapat 5 orang rakan kongsi. Setiap perkongsian akan bertanggungjawab pada setiap bahagian iaitu bahagian kewangan, pemasaran, operasi, pentadbiran dan seorang pengurus besar.

Perniagaan ini dirancang untuk ditubuhkan di Bandar Aman Jaya, Sg. Petani. Kami memilih lokasi ini kerana kawasannya yang strategik dan kedudukannya yang berada di kawasan yang sedang berkembang dengan pelbagai perniagaan. Lokasi bandar Aman Jaya yang terletak berdekatan dengan pintu masuk ke Sg. Petani iaitu lebuh raya Utara Selatan (tol Sg Petani Utara). Di kawasan itu juga terdapat hospital swasta dan kolej swasta serta cawangan Universiti Utara Malaysia yang sudah beroperasi. Ini juga akan membantu perniagaan yang telah dirancang untuk berkembang dan maju.

Faktor-faktor yang menyebabkan kami memilih perniagaan ini adalah disebabkan industri makanan di Malaysia telah menghadapi satu anjakan paradigma yang baru. Pembukaan Starbucks dan Benson & Hedges Bistro telah menunjukkan bahawa pasaran di Malaysia mula menerima konsep bistro ini. Penyediaan RP ini adalah bertujuan sebagai satu langkah pertama anak tempatan dalam mengharungi cabaran alaf baru dalam perniagaan ini.